PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan serta aktiviti kementerian/jabatan/agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Objektif pengauditan penyata kewangan adalah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2021 menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2021 mengandungi perkara seperti berikut:

Bahagian I	:	Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021
Bahagian II	:	Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2021

3. Pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2021 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit; penilaian risiko dan pengumpulan bukti audit; komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus; pensampelan dan pelaporan. Perkara ini bagi memastikan pengauditan dilaksanakan selaras dengan piawaian perakaunan dan pengauditan bagi menghasilkan laporan yang berkualiti.

4. Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 145 Agensi Persekutuan bagi tahun kewangan 2021. Setakat 31 Disember 2022, sebanyak 141 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2021 telah siap dan dapat diaudit.

5. Sebanyak 123 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2021 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran. Daripada 123 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2021 yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran, sebanyak 21 Sijil Ketua Audit Negara mempunyai perenggan Penegasan Perkara. Selain itu, sebanyak 18 penyata kewangan Agensi Persekutuan telah diberikan Pendapat Berteguran.

6. Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan selaras dengan ISSAI 4000. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam berdasarkan *red flag* yang ditemui dan *risk profiling* yang dilaksanakan di setiap Agensi Persekutuan. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam serta isu pengurusan signifikan yang berlaku akibat daripada ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

7. Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap lapan Agensi Persekutuan melibatkan tajuk seperti berikut:

BIL.	TAJUK	AGENSI PERSEKUTUAN	KEMENTERIAN
1.	Kutipan Hasil Sewa Hartanah	Perbadanan Aset Keretapi	Kementerian Pengangkutan
2.	Tuntutan Ganti Rugi Penghutang Pecah Kontrak	Universiti Teknologi MARA	Kementerian Pengajian Tinggi
3.	Agihan Bayaran Hasil Padi bagi Projek Ladang Merdeka	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
4.	Kutipan Tuntutan Penghutang Ganti Rugi Cuti Belajar	Universiti Kebangsaan Malaysia	Kementerian Pengajian Tinggi
5.	Bayaran Pembelian Bangunan	Suruhanjaya Syarikat Malaysia	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
6.	Kutipan Hasil Sewaan Pajakan Loji Rintis Pengolahan dan Pengeluaran Rangsum Ternakan	Lembaga Minyak Sawit Malaysia	Kementerian Perladangan dan Komoditi
7.	Bayaran Pembekalan Perabot dan Kelengkapan Rumah Keluarga Angkatan Tentera Parcel 2C Taman LTAT	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	Kementerian Pertahanan
8.	Perbelanjaan Geran Pembangunan Program SME Investment Partner dan Program Going Export	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

8. Laporan ini mengambil kira maklum balas auditi berkaitan isu yang dibangkitkan. Jabatan Audit Negara memberi penekanan terhadap ketidakpatuhan isu yang dibangkitkan sebagai pernyataan Audit. Bagi pengauditan pematuhan pada tahun ini, sebanyak 21 syor Audit telah dicadangkan.

9. Pihak Agensi Persekutuan dan kementerian/jabatan hendaklah memastikan pematuhan terhadap akta, pekeliling, peraturan kewangan serta kontrak yang berkuat kuasa. Agensi pusat perlu memantau dan mengawal selia semua Agensi Persekutuan dalam menjaga wang atau harta awam untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

10. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Agensi Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada Jabatan Audit Negara sepanjang pengauditan dijalankan.

Terima kasih.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
12 September 2023